



**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN ANGGOTA (KWPA)
KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD)**

PENGENALAN

Satu tabung diwujudkan sebagai 'Bantuan Perlindungan' bagi melindungi anggota KOSPEMA Berhad berkuatkuasa mulai **1 April 2024** bagi menggantikan Skim Insurans Berkelompok Hong Leong MSIG Takaful.

Pelaksanaan KWPA telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOSPEMA Berhad Kali Ke 20 Tahun 2023 yang telah diadakan pada 24 Oktober 2023.

TUJUAN

- i. Memastikan kebajikan anggota diutamakan dengan menyediakan skim perlindungan asas dalam bentuk bantuan kewangan / pampasan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kematian dan kecacatan separa / kekal.
- ii. Meringankan beban kewangan kepada anggota yang perlu menanggung kos-kos sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

MANFAAT PERLINDUNGAN

Di bawah skim ini anggota akan diberi perlindungan sekiranya berlaku kematian, penyakit kritikal dan cacat separa kekal / kekal yang disebabkan oleh kemalangan dan sebagainya.

SUMBANGAN AHLI

RM12.00 sebulan

ORANG YANG DILINDUNGI

Anggota KOSPEMA Berhad

PENANGGUNG KWPA

Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad (KOSPEMA BERHAD)

TAFSIRAN

"Waris" - bagi anggota yang telah berkahwin waris adalah suami atau isteri atau anak. Bagi anggota yang berstatus bujang waris adalah ayah atau ibu atau waris terdekat atau penama.

"Keilatan kekal menyeluruh"- hilang upaya sama ada disebabkan kecederaan / penyakit yang menghalang terus anggota tersebut dari menjalankan apa-apa pekerjaan dan ianya hanya akan dianggap sebagai kekal apabila ianya berterusan tanpa terganggu selama sekurang-kurang tempoh enam(6) bulan.

JENIS-JENIS TUNTUTAN

i. Tuntutan perlindungan am

Bil.	Jenis Perlindungan	Jumlah Pampasan * (RM)	Jumlah Pampasan ** (RM)
1.	Khairat / kematian anggota	RM10,000.00	RM5,000.00
2.	Kematian pasangan anggota	RM500.00	RM250.00
3.	Kematian anak-anak kandung / tiri anggota	RM200.00	RM100.00
4.	Kematian ibubapa kandung / tiri anggota	RM200.00	RM100.00
5.	Elaun kemasukan hospital (maksimum- 30 hari untuk setahun)	RM30.00 (Semalam)	RM30.00 (Semalam)
6.	Jantung (<i>heart attack / bypass</i>)-dokumen / surat pengesahan pakar perubatan/hospital diperlukan - Tuntutan secara <i>One Off</i>	RM1,000.00	RM500.00
7.	Kanser - dokumen / surat pengesahan pakar perubatan/hospital diperlukan -Tuntutansecara <i>One off</i>	RM1,000.00	RM500.00
8.	Buahpinggang (kidney failure) - dokumen / surat pengesahanpakar perubatan / hospital diperlukan - Tuntutan secara <i>One Off</i>	RM1,000.00	RM500.00
9.	Strok - dokumen / surat pengesahanpakar perubatan / hospital diperlukan - Tuntutan secara <i>one off</i>	RM1,000.00	RM500.00

ii. Tuntutan kemalangan – keilangan separa kekal / kekal akibat kemalangan

Bil.	Jenis Keilangan	Jumlah Pampasan* (RM)	Jumlah Pampasan** (RM)
1.	Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan bagi bekalan ubat-ubatan, peralatan dan sebagainya. - Tuntutan <i>one off</i> untuk setahun	RM500.00	RM250.00
2.	Hilang pendengaran salah satu telinga - Tuntutan secara <i>One Off</i>	RM1,000.00	RM500.00
3.	Hilang salah satu (1) jari tangan atau kaki - Tuntutan secara <i>One Off</i>	RM1,500.00	RM750.00
4.	Hilang lebih dari dua (2) jari tangan atau kaki - Tuntutan secara <i>One Off</i>	RM2,500.00	RM1,250.00
5.	Hilang pendengaran(kedua-dua telinga) - Tuntutan secara <i>One Off</i>	RM2,500.00	RM1,250.00
6.	Hilang tangan dari paras siku ke pergelangan tangan	RM3,000.00	RM1,500.00
7.	Hilang kaki dari paras lutut hingga bawah	RM3,000.00	RM1,500.00
8.	Hilang tangan dari paras bahu hingga bawah	RM5,000.00	RM2,500.00
9.	Hilang kaki dari paras punggung hingga bawah	RM5,000.00	RM2,500.00
10.	Kemalangan yang menyebabkan terlantar seumur hidup	RM5,000.00	RM2,500.00
11.	Lumpuh sepenuhnya yang berkekalan	RM5,000.00	RM2,500.00
12.	Tidak siaman	RM5,000.00	RM2,500.00
13.	Hilang sepenuhnya keupayaan pertuturan	RM5,000.00	RM2,500.00
14.	Hilang penglihatan (buta)	RM5,000.00	RM2,500.00

Nota :

*Anggota yang mencarum yang telah mencarum di bawah Hong Leong MSIG Takaful

**Anggotabarunya yang mencarum mulai 1 April 2024

SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

1. Semua tuntutan yang melibatkan kematian boleh dibuat oleh waris kepada pihak KOSPEMA Berhad melalui surat pengesahan sijil kematian.
2. Tuntutan untuk keilatan separa kekal /kekal akibat kemalangan hendaklah disertakan sijil laporan daripada pihak hospital atau pakar / klinik.
3. Tuntutan kemasukan hospital, anggota yang terlibat hendaklah mengemukakan sijil keluar hospital sebagai bukti.
4. Tuntutan berkaitan dengan 'Penyakit Kritikal' anggota hendaklah mengemukakan surat dari pihak hospital mengesahkan penyakit tersebut.
5. Tuntutan tidak termasuk penyakit kencing manis, darah tinggi, ghout dan bersalin.
6. Tuntutan untuk penyakit kritikal ini hanya boleh dibuat satu(1) kali tuntutan sahaja atau secara *one off*.
7. Tuntutan perlu dibuat dalam tempoh dua (2) bulan selepas kemasukan ke hospital / kematian / kemalangan.
8. Semua tuntutan tertakluk kepada keputusan muktamad mesyuarat ALK KOSPEMA Berhad.

PERLU PENJELASAN LANJUT

Sila hubungi Jawatankuasa Kecil Kebajikan (KWPA) di talian 04-5497562 / 791 / 445

PENGHANTARAN BORANG DAN DOKUMEN TUNTUTAN

Penghantaran borang dan dokumen tuntutan perlu dibuat secara serahan tangan atau pos yang dialamatkan kepada Puan Siti Hajar binti Omar, Tingkat 7, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam.

